

KELAS PDPR CIKGU ROS

PANDUAN MENULIS RINGKASAN

1. Murid diberi pilihan untuk menjawab soalan **rumusan, ringkasan**, dan **ulasan** yang membawa **15 markah**.
2. Tulis **lima isi sokongan** berdasarkan kehendak soalan. **Isi/fakta sahaja.** Kenal pasti **kehendak soalan** yang terdapat dalam **arahan soalan**.
3. Huraian, contoh dan peribahasa tidak perlu salin.
4. Bilangan patah perkataan antara 80 hingga 100.
5. Buat ringkasan **satu perenggan**.

Format:
(Tajuk) ialah/ adalah
(Isi 1). Selain itu,
(Isi 2). Seterusnya,
(Isi 3). Tambahan pula,
(Isi 4). Selanjutnya,
(Isi 5). Akhir sekali,

LIVEWORKSHEETS

Nama:_____

Latihan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang kebaikan belajar secara berkumpulan. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Kita sering mendengar beberapa istilah seperti kumpulan perbincangan, *study group, study circle*, halaqah ataupun usrah. Pada umumnya, kumpulan perbincangan ini merupakan suatu kumpulan kecil individu yang ditubuhkan untuk membincangkan dan bertukar-tukar pendapat tentang perkara-perkara tertentu bagi kepentingan anggota kumpulan tersebut. Aktiviti ini dianggap suatu tradisi meningkatkan ilmu jika perbincangan itu dijalankan secara berkekalan.

Dalam proses memahami bahan-bahan yang kita peroleh daripada buku atau kuliah untuk disusun dalam bentuk lebih kemas, kita memerlukan perbincangan. Kerap kali kita mempunyai pecahan-pecahan ilmu yang terasing atau bahan yang berselerak dan kita tidak dapat mengaitkannya dengan konteks yang sebenarnya. Mungkin pecahan-pecahan yang kita miliki tidak cukup untuk kita kaitkan dan sambungkan sebagai satu kesatuan yang jitu.

Kita memerlukan orang lain untuk memberikan pecahan-pecahan yang tidak kita miliki itu dan menyusunnya sebagaimana isi kandungan itu seharusnya disusun. Tugas itu memerlukan perkongsian pendapat dengan rakan-rakan atau orang yang sama-sama mahu mendapatkan pengetahuan tersebut. Jikalau perbincangan itu disertai oleh orang yang lebih mahir dan pakar, kesan perbincangan itu lebih bermakna.

Apabila kita bekerja dengan orang lain, kadar kepantasan kita akan meningkat. Hal ini demikian kerana adanya unsur-unsur persaingan dan tentulah kita mahu mengemukakan pendapat yang terbaik dan sumbangan yang bermanfaat kepada kumpulan. Dengan demkian kita akan membuat persediaan awal yang bersungguh-sungguh untuk menyayakan perbincangan itu.

Namun begitu, kumpulan perbincangan itu ada juga keburukannya. Bagi sesuatu perkara yang rumit dan memerlukan kebolehan intelektual, perbincangan lebih banyak memberikan gangguan dan akhirnya objektif pembelajaran tidak tercapai.

Arahan:Tulis jawapan pada ruang yang disediakan.

_____**adalah** _____.

_____ pemahaman tentang sesuatu perkara dapat

dipertingkat. _____, nota hasil pembelajaran dapat disusun dengan

rapi. **Selanjutnya**,_____._____

_____ nota pelajaran juga dapat

disusun mengikut urutan yang tepat._____, semua ahli

LIVEWORKSHEETS

kumpulan mendapat faedah hasil daripada perbincangan yang dilakukan. **Akhir sekali**, _____

(80 p.p)

LIVEWORKSHEETS